



Oleh **Abd Razak Hussin**

# Cerita Nor Amyira penyatu kemanusiaan

Untuk tidak menyusahkan sesiapa apabila berpindah dari Ranau Sabah selepas dicerai, Nor Amyira @ Lee Oi Fen nekad mendirikan pondok untuk didiami, di atas tanah ibunya di Kampung Piasau, Kota Belud. Dia sendiri tidak menyangka, tetapi reda dalam usia 31 tahun sudah dua kali dia menjadi janda dengan anak tiga. Masing-masing berusia 13, 10 dan tujuh tahun, hasil dua kali perkahwinannya. Apabila persefahaman sudah tiada, perceraianlah menjadi jalan keluar. Namun, kemelut hidup pula yang melilit Amyira.

Walaupun hanya tinggal di pondok beratapkan zink buruk, berdindingkan kanvas dan berlantaikan tanah, Amyira lebih rela bersama anak daripada menyusahkan ibu yang juga sukar kehidupannya. Juga tidak terfikir untuk berdiam diri hanya berharap, Amyira bekerja di kedai serbaneka di pekan.

Biarpun begitu, kerjanya tidak pernah menjanjikan kecukupan untuk membina kehidupan selesa. Dengan memberanikan diri, Amyira menemui Madli, imam masjid Daerah Kota Belud, menjelas keadaan dan memohon zakat. Madli mengunjungi tempat tinggal Amyira memastikan kesahihannya. Beliau tersentak dan terkejut dengan keadaan pondok yang sangat daif didiami tiga jiwa (anak sulung Amyira tinggal di asrama sekolahnya). Madli beristighfar berulang kali melihat kedhaifan itu.

Lantas dengan segera 'rumah' Amyira dirakam menggunakan kamera telefon dan dimasukkan ke dalam Facebooknya. Turut terakam wajah Amyira, anak, ibunya dan Madli sendiri.

Bersyukur dengan kecanggihan teknologi perhubungan kini, dengan segera gambar itu menjadi viral, berjaya menambat simpati, prihatin dan peduli pelbagai pihak. Sebuah organisasi sivil, Pertubuhan Dusun Islam Sabah (PDIS) segera membuat tinjauan secara langsung termasuk bersama rakan dari Brunei, membawa pelbagai barangan keperluan diiringi Madli, seterusnya mencapai ketetapan untuk menghulurkan pertolongan.

Bertitik tolak maklumat terkumpul, PDIS menggerakkan kutipan dana, berazam membina sebuah rumah kecil untuk Amyira dan anak-anaknya. Seawal Februari 2016, bergerak aktiflah PDIS meraih sumbangan untuk mem-bela Amyira.

Dalam pimpinan pertubuhan itu terlantik juga bekas pelajar



GAMBAR pondok yang didiami Nor Amyira bersama anak-anaknya.

UKM yang saya kenali. Apabila disampaikan maklumat kedaifan kehidupan Amyira, saya berasa terpancang dan segera menyebarkan luaskannya pula kepada jaringan yang dimiliki menerusi kaedah aplikasi WhatsApp.

Syukur kepada Tuhan, rakyat Malaysia adalah insan berhati emas, penuh keprihatinan dan kepedulian. Bahkan rakan dari Brunei tidak ketinggalan menyahut seruan suci mengangkat kedudukan insan yang sedang terpinggir daripada kemakmuran. Sejak berita Amyira menjadi viral, pelbagai pihak muncul mengunjunginya di Kampung Piasau mempamer empati.

Ternyata dalam tempoh dua minggu, kempen meluas yang dilaksanakan PDIS memperlihatkan hasil memberangsangkan. Dengan anggaran yang dilakukan, dana terkumpul cukup untuk membina sebuah rumah kecil dua bilik tidur yang jauh lebih baik daripada pondok yang sedang menjadi tempat berlindung Amyira dan anaknya. Gotong royong digerakkan PDIS dengan bantuan pelbagai pihak termasuk RELA, kerja pembinaan rumah itu pun dimulakan.

Pendekatan ahli PDIS yang dipertanggungjawabkan melapor perkembangan terkini proses pembinaan rumah Amyira kepada penyumbang adalah mekanisme terbaik. Dengan pendekatan itu, PDIS memperoleh keyakinan dermawan terhadap amanah sumbangan yang dihulurkan. Kesungguhan pekerja dan sukarelawan, yang hanya dibayar suguhati mempercepatkan proses pembinaannya dengan seliaan Suffian, imam Kampung Dundau.

Sumbangan diterima daripada pelbagai kelompok - penjawat awam agensi kerajaan, staf bank,

ahli perniagaan, ahli politik, orang awam tanpa mengira kaum, agama dan pendirian politik. Dalam senarai penderma, ramai yang hanya mahu dituliskan 'Hamba Allah'. Keikhlasan mereka menyentuh hati saya dengan mesej seorang penyumbang apabila diucapkan terima kasih kerana kebersamaannya, "Saya tidak mahu mengingati-ingati perihal debu yang saya perbuat. Sebaliknya betapa malu saya kerana tidak memberi lebih banyak buat saudara kita itu. Terima kasih kerana menawarkan jalan kebaikan".

Bagi saya Nor Amyira hanya secebis cerita kedaifan dan kemiskinan di negara ini. Barangkali ramai lagi 'Nor Amyira' di desa dan kota yang tidak terjangkau. Meskipun Amyira menyatukan rasa kemanusiaan, ini juga ujian buat semua pemimpin, kejiwaan, pertubuhan, kerajaan malah seluruh rakyat.

Apabila sampai maklumat mengenainya, disitulah ujian Tuhan buat kita. Ada yang berasa tersentuh dan segera bertindak, ada yang ingin melakukan sesuatu tetapi bertangguh, ada yang tidak berasakan apa-apa kerana cerita begini sudah kebiasaan, ada yang berkata sesuatu dengan perka-taan melukakan dan ada melihatnya seperti debu kecil yang singgah di telefon genggamnya, lalu segera menyahkan daripada setoran mesej.

Kepada yang tulus dan ikhlas, saya percaya mereka insaf, Tuhan telah memberi rahmat kepadanya dengan kesedaran bahawa wang yang ada padanya adalah rezeki Amyira yang dilalukan oleh Tuhan menerusinya. Maka hak itu wajib disampaikan kepada yang berhak.

**Penulis Timbalan Pengarah Kanan Jabatan Canseiiori UTM**